

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2021/01/23 – 18

CAWANGAN SIASATAN KOTA BHARU DITUTUP SEMENTARA UNTUK SANITASI DAN PENANGGUHAN PERKHIDMATAN KAUNTER BANTUAN PRIHATIN RAKYAT 2021 DI PUSAT KHIDMAT HASIL SRI AMAN, SARAWAK

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan dua perkara iaitu:

1. Cawangan Siasatan Kota Bharu, Kelantan yang terletak di Wisma PERKESO akan ditutup sementara pada 24 Januari 2021 (Ahad) bagi memberikan laluan kepada kerja-kerja sanitasi awam yang turut melibatkan semua pejabat agensi kerajaan yang beroperasi di Wisma PERKESO tersebut.
2. Kaunter Bantuan Prihatin Rakyat 2021 (BPR 2021) di Pusat Khidmat Hasil Sri Aman, Sarawak akan ditangguhkan perkhidmatannya buat sementara waktu mulai 25 Januari 2021 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Penangguhan ini dibuat atas nasihat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Sri Aman, Sarawak yang melarang sebarang aktiviti melibatkan himpunan orang ramai pada ketika ini dan bagi memastikan semua Prosedur Operasi Standard (S.O.P) Pencegahan Penularan Wabak COVID-19 yang ditetapkan oleh kerajaan sentiasa dipatuhi.

Sehubungan itu, pelanggan dan pemohon BPR 2021 adalah disarankan agar melakukan semua urusan secara dalam talian. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 23 Januari 2021

LHDN
MALAYSIA



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 2 daripada 2